

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Fertiliti, mortaliti dan migrasi merupakan proses demografi yang menentukan pertumbuhan, saiz dan struktur penduduk sesebuah negara. Fertiliti boleh didefinisikan sebagai bilangan anak yang dilahirkan oleh individu, pasangan atau populasi (Tan, 1979:61). Ia merupakan hasil daripada proses interaksi sosial, biologikal, budaya dan persekitaran yang kompleks. Sikap terhadap fertiliti dan kadar fertiliti adalah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain, dan juga berbeza antara satu golongan etnik dengan etnik yang lain dalam sesebuah komuniti.

Kajian terhadap fertiliti adalah penting kerana ia merupakan faktor utama dalam menentukan pertumbuhan penduduk. Kefahaman pola dan penentuan fertiliti adalah penting dalam perancangan dan perlaksanaan program pembangunan keluarga dan penduduk sesebuah negara supaya pertumbuhan penduduk adalah seimbang dengan pertumbuhan sumber pengeluaran negara berkenaan.

Dalam tahun 1991, penduduk Malaysia adalah dianggarkan berjumlah 18.4 juta orang, selepas mengambil kira kurang penghitungan benci (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991). Antara tahun 1980 dan 1991 penduduk Malaysia telah bertambah 4.7 juta orang dengan purata kadar pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus setahun (lihat Jadual 1.1). Sekiranya

kadar pertumbuhan penduduk yang dialami bagi tempoh 1980-1991 berterusan di paras yang sama, saiz penduduk Malaysia akan bertambah dua kali ganda dalam masa 26 tahun.

JADUAL 1.1: SAIZ DAN KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK, MALAYSIA, 1947 HINGGA 1991

Bilangan (ribu)							
1947	1957	1960	1970	1980	1991	1980 (disesuaikan)	1991 (disesuaikan)
5776.4	7382.1	8035.6	10439.4	13136.1	17563.4	13745.2	18379.7
Kadar pertumbuhan tahunan purata (peratus)							
1947-1957	1957-1960	1960-1970	1970-1980	1980-1991	1980-1991 (disesuaikan)		
2.5	2.8	2.6	2.3	2.6	2.6		

Sumber : Laporan Banci Penduduk 1991

Kadar pertumbuhan tahunan penduduk mengikut kumpulan etnik menunjukkan bahawa kaum Melayu mengalami pertumbuhan tahunan yang paling tinggi, iaitu 3.0 peratus setahun dalam tempoh tahun 1980-1990 (lihat Jadual 1.2). Kaum India pula mencapai pertumbuhan penduduk 2.0 peratus setahun pada tempoh yang sama. Kadar pertumbuhan tahunan penduduk kaum Cina adalah paling rendah, iaitu hanya 1.7 peratus setahun.

JADUAL 1.2 : PURATA KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN PENDUDUK (PERATUS)
MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, SEMENANJUNG MALAYSIA

Tahun	Melayu	Cina	India
1947 - 1957	2.5	2.1	2.9
1957 - 1970	3.1	3.2	1.9
1970 - 1980	2.7	1.6	1.8
1980 - 1990	3.0	1.7	2.0

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Anggaran Penduduk Semasa, Semenanjung Malaysia, 1990,
-----, Siri Masa Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, 1911-1985.

Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dan mengalami pembangunan sosial serta ekonomi yang sangat menggalakkan semenjak kemerdekaan. Sejak awal tahun 1960an, Malaysia mulai mengalami peralihan fertiliti, iaitu daripada kadar fertiliti yang tinggi kepada kadar fertiliti yang rendah. Dengan penurunan kesuburan dan mortaliti yang berpanjangan, peningkatan dalam kadar pertumbuhan penduduk bagi tempoh 1980-1991 berbanding dengan tempoh 1970-1980 adalah disebabkan pertambahan dalam kemasukan bersih migran dari negara luar yang telah berlaku kebelakangan ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991).

Kadar fertiliti telah menurun bagi semua kumpulan etnik di Malaysia. Fertiliti di kalangan kaum Cina telah mengalami penurunan yang paling ketara sejak 25 tahun yang lalu dan mencapai tahap penggantian pada tahun 1989 (Leete dan Tan, 1993). Ini bermakna bahawa pada masa yang akan datang, struktur penduduk Malaysia akan menjadi semakin tua. Dalam konteks ini, kaum Cina akan mengalami struktur umur tua yang lebih awal berbanding dengan kaum-kaum lain. Dengan berpandukan fenomena penurunan kadar fertiliti ini, lebih kurang 10 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun ke atas menjelang tahun 2020 (China Press, 1992). Kadaan ini secara langsung akan menambahkan tanggungan masyarakat terhadap golongan tua.

Peralihan fertiliti di Malaysia ini boleh disifatkan sebagai kesan daripada peningkatan taraf hidup yang telah mengubah aspirasi material anggota masyarakat. Memandangkan

kos pemeliharaan dan pengasuhan anak semakin meningkat, saiz keluarga yang kecil semakin diterima umum dan dianggap sebagai norma di kalangan anggota masyarakat.

Perkhidmatan perancang keluarga dan kaedah kontraseptif yang semakin canggih dan efisien pula telah mempertingkatkan lagi pengawalan fertiliti di kalangan semua lapisan masyarakat. Program perancang keluarga telah dilaksanakan secara meluas, baik di bandar maupun di luar bandar melalui rangkaian perkhidmatan yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Kesihatan dan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga. Di kawasan luar bandar, perancang keluarga diintegrasikan bersama-sama dengan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak oleh Kementerian Kesihatan. Program tersebut telah berjaya meningkatkan kadar penerimaan kontraseptif dan memberi motivasi kepada masyarakat dalam merancang serta menjarakkan kelahiran demi penjagaan kesihatan ibu dan anak.

Perkembangan dan pembangunan dalam bidang pendidikan juga adalah satu-satunya faktor perantaraan yang utama dalam mengubah pola demografi dalam sesebuah masyarakat. Akibat peningkatan taraf pendidikan di kalangan wanita di Malaysia, umur perkahwinan semakin meningkat. Ini seterusnya meningkatkan kos melepas antara perkahwinan dan kelahiran yang awal. Tambahan pula, perkembangan dalam sektor industri dan perkhidmatan yang semakin pesat sejak tahun 1970an telah meningkatkan permintaan untuk tenaga buruh wanita. Keadaan ini secara langsung atau tidak langsung telah mempengaruhi

jangkamasa kelahiran anak pertama dan memendekkan tempoh reproduktif seseorang wanita. Dengan itu, tren kelahiran yang semakin menurun telah menjadi norma biasa dan berkekalan.

Demikian juga kesannya terhadap perkembangan pendidikan sama ada di kalangan wanita mahupun lelaki. Ini telah berjaya meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pengamalan perancang keluarga yang efisien serta membuat keputusan secara bersama supaya dapat merancang kelahiran anak. Akhir sekali, perubahan struktur sosial dan pembangunan ekonomi yang pesat telah menjadikan pendidikan sebagai suatu cara untuk meningkatkan mobiliti sosial dan taraf hidup yang lebih tinggi. Justeru itu, saiz keluarga yang lebih kecil dipercayai dapat mempercepatkan mobiliti sosial tersebut untuk menikmati lebih kebebasan dan mengurangkan beban tanggungan.

Pada zaman moden ini nilai seseorang anak dilihat lebih bersifat "pengguna" dan bukan lagi sebagai sumber "pengeluar". Ini kerana kos ekonomi bagi menyara anak adalah semakin meningkat sekadar dengan kualiti anak yang diharapkan dari segi pencapaian taraf pendidikan, jasmani dan rohani anak tersebut.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Pada amnya kajian ini cuba melihat perhubungan antara faktor-faktor sosio-demografi dengan ekonomi dalam mempengaruhi pola fertiliti di kalangan wanita Cina. Tinjauan serta perbandingan yang teliti dibuat terhadap

sampel kaum Cina dari kawasan bandar dan luar bandar. Tujuannya adalah untuk mengesan apakah perbezaan dan apa pula persamaan antara mereka yang timbul daripada pengaruh faktor-faktor tersebut terhadap perlakuan fertiliti. Selain itu, perbandingan fertiliti antara wanita Cina dengan wanita daripada kaum lain khususnya wanita Melayu juga akan turut dikaji.

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) mengkaji secara sistematik perhubungan antara beberapa faktor sosio-demografi dan ekonomi terhadap gelagat fertiliti wanita Cina di Malaysia;
- (2) membuat perbandingan antara kaum Cina di kawasan bandar dengan luar bandar tentang gelagat mereka terhadap fertiliti;
- (3) mengenalpastikan perbezaan dan persamaan gelagat wanita Cina terhadap fertiliti berbanding dengan kumpulan etnik lain;
- (4) mengkaji angkubah-angkubah yang berkaitan dalam mempengaruhi saiz keluarga yang diingini; dan
- (5) menilai sejauh manakah kebenaran pendapat yang mengatakan bahawa sasaran program perancang keluarga patut ditujukan kepada wanita yang berstatus sosial rendah kerana mereka mempunyai bilangan anak yang ramai.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kadar fertiliti di Malaysia telah menurun sejak tahun


terhadap fertiliti hanya dapat bertindak melalui angkubah-angkubah perantaraan seperti meningkatnya umur mula berkahwin dan penggunaan kaedah kontraseptif. Satu ringkasan rangkakerja yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 dapat menawarkan gambaran keseluruhan berkenaan hubungan antara faktor-faktor sosial, ekonomi dan budaya ke atas fertiliti yang bertindak menerusi angkubah perantaraan.

Untuk menjalankan kajian fertiliti, penyelidik-penyalidik dari negara-negara maju dan membangun secara eksplisit atau implisit telah menggunakan model Davis dan Blake atau model-model lain seperti yang dicadangkan oleh Mishler dan Westoff (1955), Hill, Stycos dan Back (1959) dan Freedman (1975) (ESCAP, 1981). Penggunaan model-model tersebut membolehkan kajian fertiliti dan KAP (pengetahuan, tingkahlaku dan pengamalan perancang keluarga) dijalankan dengan sistematik dan terperinci.

1.4.2 Sumber Data dan Skop Kajian

Kajian ini berdasarkan data yang diperolehi dari Survei Kehidupan Keluarga Malaysia-II, 1988 (MFLS-II)". MFLS-II merupakan projek bersama antara RAND Corporation, Amerika Syarikat dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan bantuan kewangan daripada National Institute of Child Health and Human Development (Amerika Syarikat) dan National Institute on Aging. Kerja mengumpul data MFLS-II telah dimulakan dari bulan Ogos 1988 dan tamat pada Januari 1989 (DaVanzo et al., 1993; Peterson, 1993).

RAJAH 1.1: RINGKASAN RANGKAKERJA ANALISIS PERBEZAAN FERTILITI



Sumber: Davis dan Blake (1956) (rujukan dalam Tey et al., Direct and indirect determinants of Fertility in Peninsular Malaysia, 1988.)

MFLS-II dibentukkan sebagai lanjutan kepada MFLS-I (1976-1977) yang mengkaji isu-isu demografi (fertiliti, nuptialiti, migrasi, mortaliti), serta faktor-faktor sosial dan ekonomi yang mempengaruhi proses membuat keputusan dalam sesebuah keluarga. MFLS-II telah menambahkan sampel wargatua di Malaysia bagi tujuan mengkaji isu-isu mengenai kehidupan keluarga, kesihatan wargatua dan saling membantu antara generasi.

Tujuan utama MFLS-II adalah sama seperti dalam MFLS-I, iaitu mengkaji gelagat isirumah dari perubahan sosio-ekonomi dan demografi yang berterusan. Di samping itu, hubungan antara kedua-dua data MFLS-I dan MFLS-II juga membolehkan kajian antara generasi dalam aspek norma-norma dan gelagat perkahwinan, fertiliti dan status ekonomi.

Terdapat empat kategori sampel yang digunakan dalam MFLS-II :

(i) Sampel Panel

Sampel Panel ini terdiri daripada 1262 wanita yang merupakan responden asal dalam MFLS-I (1976). Pada masa itu kesemua wanita telah berkahwin dan berumur 50 tahun dan ke bawah. Dalam MFLS-II, seramai 889 responden asal telah melengkapi soalselidik Sejarah Kehidupan Wanita (Female Life History).

(ii) Sampel Kanak-kanak

Sampel Kanak-kanak terdiri daripada anak-anak responden panel yang berumur 18 tahun dan ke atas. Seorang anak dipilih secara rawak untuk ditemuduga sekiranya mereka tinggal bersama dengan responden Panel (499 kanak-kanak).

Selain dari itu, tidak lebih daripada dua orang anak dipilih sekiranya anak-anak tinggal di tempat lain di Semenanjung Malaysia (597 kanak-kanak).

(iii) Sampel Baru

Sampel Baru adalah terdiri daripada wanita berumur antara 18-49 tahun (tanpa mengira status perkahwinan wanita tersebut) dan wanita yang telah berkahwin di bawah umur 18 tahun. Seramai 2184 responden primari dalam Sampel Baru, yang mana 6 responden adalah berumur kurang dari 18 tahun.

(iv) Sampel Wargatua

Sampel Wargatua terdiri daripada 1357 orang (671 lelaki dan 686 perempuan) yang berumur 50 tahun dan ke atas. Antaranya seramai 633 orang yang tinggal dalam isirumah yang sama dengan responden Sampel Baru.

Di samping itu, suami atau isteri bagi responden primer juga ditemuduga (iaitu sejumlah 2865 orang).

Isirumah bagi Sampel Baru dan Wargatua adalah dipilih dengan berdasarkan kaedah persampelan tahap berganda. Pada tahap pertama, sebanyak 398 Blok Penghitungan (B.P.) telah dipilih berdasarkan rangka pensampelan Banci Penduduk 1980 di Semenanjung Malaysia (setiap B.P. mengandungi lebih kurang 100 tempat kediaman (T.K.)). Pada tahap kedua, dari 398 B.P., sebanyak 3036 T.K. telah dipilih. Jumlah T.K. ini dipilih adalah berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi dari Survei Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984-85. Pemilihan T.K. sebanyak ini diharap menghasilkan sampel akhir yang layak sebagai Sampel Baru MFLS-2 adalah lebih

kurang 2000 responden (DaVanzo et al., 1993).

Walau bagaimanapun, memandangkan skop kajian ini lebih tertumpu kepada wanita Cina yang berkahwin sahaja, analisis adalah tertumpu kepada sampel wanita Cina yang berkahwin dan berumur antara 18-49 tahun. Selepas penyelarasan dan pemilihan semula dilakukan seramai 458 wanita Cina yang berkahwin dan berumur antara 18-49 tahun telah dipilih sebagai sampel bagi kajian ini. Dalam sampel yang telah dipilih, seramai 274 responden adalah dari kawasan bandar manakala 184 responden lagi dari kawasan luar bandar. Taburan peratusan responden mengikut angkubah-angkubah penting dalam kajian ini ditunjukkan secara teliti dalam Lampiran 1.

Selain daripada data yang diperolehi dari MFLS-II, kajian ini juga menggunakan data sekunder yang dikumpulkan dari bahan-bahan lain sama ada yang telah diterbitkan ataupun belum diterbitkan. Bahan ini diperolehi menerusi kajian yang dilakukan di perpustakaan (library research) dan sumber-sumber maklumat yang diperoleh daripada LPPKN, Jabatan Perangkaan, The Resource and Research Center dan Pusat Sumber Sin Chiew Jit Pow (M).

1.4.3 Kualiti Data MFLS-II

Data MFLS-II adalah amat sesuai digunakan untuk penyelidikan dan perancangan polisi kerana ia menawarkan maklumat yang sempurna berkenaan arah aliran sosio-ekonomi dan demografi (Sine, 1992). Data MFLS-II mempunyai kualiti yang tinggi bagi kajian arah aliran masa.

Data MFLS-II berkenaan perkahwinan adalah baik dan mengikut tren yang dijangkakan. Data ini menunjukkan purata umur mula berkahwin berkecenderungan meningkat. Tren ini menunjukkan konsistensi seperti yang dijangkakan. Oleh itu tidak wujud masalah lebih anggaran (over estimating) umur mula berkahwin terutamanya di kalangan wanita yang lebih tua.

Kualiti data MFLS-II juga menunjukkan kesempurnaan maklumat berkenaan tarikh kelahiran. Maklumat kelahiran ini amatlah sempurna dan baik jika dibandingkan dengan survei retrospektif lain. Kualiti ini membolehkan kajian terhadap isu selang kelahiran seperti tempoh selang antara kelahiran dan pengamalan perancang keluarga dijalankan dengan lebih mudah dan licin. Data berkenaan mortaliti bayi juga adalah baik dan konsisten jika dibandingkan dengan Perangkaan Penting.

Data berkenaan pencegah hamil juga baik. Data ini berkualiti jika dibandingkan dengan sumber data luar yang lain dalam pengukuran kelaziman penggunaan kontraseptif dan taburan kaedah yang digunakan.

Data pendidikan dalam MFLS-II juga menunjukkan kualiti yang tinggi. Data ini adalah amat baik jika dibandingkan dengan data banci dan survei lain.

Boleh disimpulkan bahawa maklumat-maklumat yang dipersembahkan menunjukkan konsistensi dalaman data. Selain itu, data MFLS-II dapat membuat perbandingan dengan data-data dari sumber lain seperti Banci penduduk, MPFS 1984/85 dan Perangkaan Penting. Berdasarkan kualiti data MFLS-II

yang tinggi, maka penggunaan data ini dalam kajian ini memang dijangka dapat memberi keputusan yang menyakinkan. Sesuai dengan tujuan penyelidikan ini, Sampel Baru dari MFLS-II telah digunakan di sepanjang penganalisisan data.

1.4.4 Penganalisisan Data

Penganalisisan data dalam kajian ini telah dibuat dengan menggunakan program komputer "Statistical Package for the Social Science" (SPSS). Selain dari statistik perihalan, statistik inferensi juga digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua peringkat penganalisisan yang digunakan dalam kajian ini:

(a) Analisis univariat dan bivariat

Kaedah ini digunakan bagi menentukan perhubungan antara faktor-faktor sosio-demografi dengan ekonomi terhadap fertiliti. Taburan kekerapan dan jadual-silang digunakan.

(b) Analisis multivariat

Suatu model "Multiple Regression Analysis" (MRA) bagi fertiliti dibentukkan berdasarkan tempat tinggal (iaitu bandar dan luar bandar) dan umur. Hanya angkubah-angkubah tak bersandar (independent variables) yang mempunyai korelasi yang signifikan dengan fertiliti sahaja diambilkira dalam pembentukan model regresi. Untuk tujuan tersebut, prosedur korelasi digunakan untuk menentukan paras keertian angkubah-angkubah yang digunakan. Selain itu, untuk mengelakkan masalah multikolineariti antara pembolehubah tak bersandar, prosedur korelasi juga digunakan bagi menggugurkan angkubah yang berkorelasi tinggi antara satu

sama lain. Dengan pertimbangan tersebut, persamaan regresi linear berganda yang dibentuk akan dapat menilai varians yang dapat diterangkan melalui nilai R^2 dan kesan setiap angkubah melalui koefisien regresi b dan beta terhadap fertiliti wanita Cina amnya dan fertiliti wanita Cina di bandar dan luar bandar khususnya. Selain itu, "Multiple Classification Analysis" (MCA) juga digunakan untuk mengukur kesan bersih faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang mempengaruhi fertiliti kaum Cina.

Operationalisasi pembolehubah bersandar iaitu bilangan anak yang dilahirkan dalam model regresi berganda adalah merupakan skala selang. Untuk membolehkan penggunaan pembolehubah-pembolehubah tak bersandar yang berbentuk nominal, pembolehubah-pembolehubah seperti status pendapatan negeri pemastautin, jenis pekerjaan wanita dan suami dalam sektor formal dan sektor tidak formal telah dianggarkan dalam bentuk pembolehubah patung (dummy variables). Pembolehubah-pembolehubah tak bersandar lain seperti umur suami, umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan suami, serta pendapatan isirumah adalah diukur dalam skala selang (lihat Lampiran 2).

Dalam "Multiple Classification Analysis" pembolehubah-pembolehubah tak bersandar yang berskala selang telah ditukarkan dalam bentuk kategori. Dalam usaha transformasi pembolehubah-pembolehubah tak bersandar seperti taraf pendidikan wanita dan suaminya dikategorikan dalam 3 kumpulan. Bagi tingkat pendapatan suami, pengalaman

pekerjaan dan status pekerjaan wanita telah dikategorikan dalam 4 kategori manakala jenis pekerjaan dikumpulkan dalam 6 kategori (lihat Lampiran 3).

1.5 TINJAUAN MENGENAI KAJIAN-KAJIAN YANG TERDAHULU

Banyak kajian telah dijalankan di seluruh dunia sama ada di negara membangun ataupun di negara maju untuk mengenalpastikan faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti dalam sesebuah masyarakat. Antara faktor-faktor yang disenaraikan termasuklah umur mula berkahwin, pendidikan, pendapatan isirumah, tempat tinggal, agama, keturunan, orientasi nilai dan lain-lain. Faktor-faktor ini mempunyai korelasi yang signifikan sama ada secara positif atau negatif dengan gelagat fertiliti.

Menerusi Jadual 1.3 dirumuskan sebahagian daripada penemuan kajian-kajian yang terdahulu berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat fertiliti.

JADUAL 1.3: RUMUSAN KAJIAN-KAJIAN YANG LEPAS BERKENAAN POLA FERTILITI

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Nasil Kajian	Keterangan
(A) KAJIAN-KAJIAN DI MALAYSIA			
LPPKN (1979) - MPPS 1974	Umur mula berkahwin; Pendidikan; Pekerjaan; Pendapatan	Wanita berkahwin pada umur yang sangat muda (kurang dari 15 tahun pada 5 tahun permulaan perkahwinan) dan pada umur yang lebih tua mempunyai kadar fertiliti yang lebih rendah daripada yang berkahwin pada pertengahan umur. Selepas menyalarkan tempoh perkahwinan, purata anak bagi wanita bersekolah kurang daripada 7 tahun adalah 4.1 berbanding dengan 2.4 bagi wanita berpendidikan melebihi 12 tahun;	Wujudnya perhubungan yang berbentuk "U" terbalik antara umur mula berkahwin dengan fertiliti kerana subfekunditi pada umur remaja dan ketidaksuburan pada umur tua. Tarat pendidikan mempengaruhi fertiliti secara tidak langsung melalui angkubah perantara seperti umur mula berkahwin, pendapatan dan kadar penerimaan kontraseptif.

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
		Wanita yang bekerja sebelum berkahwin mempunyai anak secara purata lebih tinggi dalam tempoh 5 tahun pertama perkahwinan.	Wanita yang bekerja cuba merapatkan kelahiran mereka supaya pengorbanan masa untuk bersalin dapat dipendekkan di sepanjang hayat.
		Purata anak bagi kumpulan pendapatan suami kurang daripada RM100.00 adalah 4.5 orang berbanding dengan 3.6 orang bagi berpendapatan RM500.00. Di bandar metropolitan, pendapatan suami yang melebihi RM500.00 mempunyai anak secara purata 3.1 manakala bagi berpendapatan kurang daripada RM100.00 di kawasan luar bandar adalah 4.5 orang.	Perbezaan purata kelahiran mengikut pendapatan suami menjadi semakin ketara apabila jenis tempat tinggal diambil kira.
Hamid Arshad et al. (1988) - MPPS 1984/85	Pendidikan; Pekerjaan; dan Pendapatan	Wanita tidak bersekolah mempunyai purata anak 5.1 berbanding dengan wanita bersekolah melebihi 12 tahun hanya mempunyai purata anak 1.9.	Semakin tinggi pendidikan, semakin kurang kelahiran.
		Wanita yang bekerja selepas berkahwin mempunyai anak secara purata 4.8, sementara wanita yang tidak pernah bekerja, wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin serta wanita yang bekerja sebelum berkahwin sahaja masing-masing melahirkan purata anak seramai 4.0, 3.3 dan 2.8.	Wanita bekerja mempunyai fertiliti yang rendah kerana: (1) pendedahan dan kesedaran perancang keluarga yang tinggi. (2) persepsi moden yang mengutamakan kualiti anak telah meningkatkan tanggungan kos anak. (3) struktur keluarga nuklear dan kekurangan pusat pengasuhan kanak-penjagaan anak-anak semasa bekerja.
		Di kalangan wanita Cina, apabila pendapatan meningkat daripada RM400.00 sebulan hingga melebihi RM1500.00, purata anak yang dilahirkan menurun daripada 3.6 kepada 2.9. Tetapi di kalangan wanita Melayu dan India kesannya adalah tidak konsisten. Bilangan anak secara purata menurun pada peringkat awal kemudiannya meningkat jika pendapatan terus meningkat. Purata anak akan jatuh lagi apabila tahap pendapatan meningkat melebihi RM1500.00 sebulan.	Kesan pendapatan terhadap fertiliti kaum Cina adalah secara negatif. Di kalangan kaum Melayu dan India, kesan pendapatan adalah tidak konsisten.
LPPKN & RAND (1992) - MFLS-II, 1988	Sosioekonomi	Urbanisasi, industrialisasi, kemajuan pendidikan dan peningkatan peluang pekerjaan telah melewatkkan umur mula berkahwin seseorang wanita dan seterusnya mengurangkan fertiliti mereka.	Kemajuan sosioekonomi yang pesat dan berterusan mengakibatkan pola fertiliti di Malaysia benderung menurun.

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
Tey Nai Peng et al. (1988)	Sosiekonomi dan Pengawalan fertiliti	<p>Faktor-faktor sosioekonomi seperti kumpulan etnik, tempat tinggal, pendidikan, umur mula berkahwin, corak pekerjaan, pekerjaan dan pendapatan suami mempunyai hubungan yang rapat dengan tahap fertiliti. Faktor-faktor ini secara tidak langsung mempengaruhi fertiliti, yang mana ia bertindak melalui pembedahan perantaraan seperti kelewat berkahwin, penerimaan dan pengamalan perancang keluarga yang lebih luas.</p> <p>Sekiranya tanpa sebarang kawalan fertiliti, kelahiran semulajadi bagi seseorang wanita adalah paling maksimum dengan 14 orang anak. Kesan penggunaan kontraseptif bagi mengawal fertiliti secara nyata telah mengurangkan 5.2 kelahiran secara purata bagi setiap orang wanita. Sekiranya tanpa penggunaan kontraseptif, seseorang wanita Melayu akan melahirkan 3.4 orang anak lebih daripada yang sebenar dilahirkan. Wanita Cina pula akan mempunyai 8.8 orang anak dan India 8.1 orang anak lebih daripada kelahiran sebenar.</p>	Umur berkahwin dan penggunaan kontraseptif merupakan faktor langsung terhadap fertiliti. Faktor-faktor sosioekonomi bertindak secara tidak langsung melalui faktor perantaraan untuk mempengaruhi fertiliti.
Tan Boon Ann (1981)	Sosio-ekonomi dan budaya	<p>Keturunan seseorang mempunyai kesan langsung terhadap bilangan anak yang diidamkan, pengetahuan kontraseptif dan penggunaan kaedah kontraseptif yang berkesan. Pendidikan mempunyai kesan langsung terhadap pengetahuan kontraseptif. Kesan pendidikan terhadap fertiliti adalah tidak langsung, sebaliknya pendidikan secara langsung mempengaruhi umur mula berkahwin. Umur mula berkahwin pula secara langsung mempengaruhi fertiliti.</p>	Faktor-faktor sosio-ekonomi yang paling penting mempengaruhi gelagat fertiliti di Semenanjung Malaysia adalah keturunan seseorang dan pendidikan yang bertindak melalui faktor perantaraan iaitu umur mula berkahwin.
Mason & Palan (1980)	Pelajaran; Keturunan; dan Penggunaan kontraseptif	<p>Wanita yang berpendidikan tinggi melahirkan bilangan anak yang lebih kecil berbanding dengan berpendidikan rendah.</p> <p>Selain itu, terdapat satu hubungan positif berlaku antara wanita berpelajaran dengan penggunaan kontraseptif moden untuk wanita Cina dan India di kawasan bandar dan luar bandar.</p>	Meluasnya penggunaan kontraseptif telah mengurangkan kelahiran atau menjarakkan kelahiran.

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
Hirshman & Guest (1990)	Pekerjaan dan pendidikan	Model fertiliti multilevel yang dikaji di Malaysia menunjukkan bahawa bagi tempoh tahun 1960an, kesan taraf pendidikan wanita mendahului kesan guna tenaga sektor moden dalam mempengaruhi sikap fertiliti wanita. Tetapi selepas tahun 1960an, guna tenaga wanita dalam sektor moden jelas menunjukkan hubungan secara negatif dengan fertiliti. Dengan kemajuan dalam peralihan fertiliti telah menjadikan kadar fertiliti lebih dipengaruhi oleh guna tenaga wanita dalam sektor moden berbanding dengan taraf pendidikan.	Dengan bertambah majunya peralihan fertiliti, mungkin menjadikan persepsi peluang ekonomi sebagai penentu fertiliti yang lebih penting daripada faktor pendidikan.
Yew Yeok Kim (1978)	Umur wanita; Pendidikan; dan Tempat tinggal	Corak fertiliti mengikut kohort umur di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1957-70 menunjukkan bahawa wanita yang tinggal di bandar metropolitan mengalami kejatuhan kadar fertiliti sebanyak 66.0% dengan 19.0% dan 48.0% di kawasan bandar dan luar bandar. Hubungan negatif di antara pendidikan dengan fertiliti adalah ketara dan konsisten di bandar-bandar metropolitan berbanding dengan luar bandar. Di luar bandar, hubungan secara negatif wujud di kalangan wanita yang berumur antara 15-24 tahun tetapi tidak ditunjukkan di kalangan wanita yang berumur 35-44 tahun.	Kadar fertiliti jatuh dengan lebih ketara di bandar metropolitan berbanding dengan strata yang lain. Terdapatnya perbezaan pola fertiliti di bandar dan luar bandar. Kadar fertiliti yang lebih tinggi di luar bandar mungkin disebabkan oleh faktor sosio-budaya di luar bandar yang masih konservatif dan mengalu-alukan saiz keluarga yang besar.
Fernandes B. (1987)	Umur wanita dan etnik	Di kalangan wanita Melayu pada peringkat usia muda, kadar fertiliti yang rendah pada umur kurang daripada 25 tahun telah mencerminkan penangguhan penghamilan yang akan "digantikan" pada umur-umur selanjutnya. Sedangkan di kalangan wanita Cina dan India, kesuburan yang rendah pada umur muda mencerminkan pembatalan dan pengehadan kelahiran.	Terdapatnya perbezaan pola fertiliti mengikut kohort umur bagi kumpulan etnik yang berlainan.
Chander et al. (1971) -(rujuk Soon L.Y. 1992)	Pendapatan	Terdapat hubungan yang negatif antara pendapatan suami dengan purata anak yang dilahirkan. Namun hubungan ini tidak wujud apabila angkubah pendidikan wanita dikawal.	Corak hubungan antara pendapatan dengan purata anak yang dilahirkan adalah tidak konsisten.

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
Pong Chan Onn (1988)	Pendapatan dan tempat tinggal	Peningkatan output per kapita cenderung mengurangkan kadar fertiliti di Malaysia. Kesannya amat ketara di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar.	Penduduk luar bandar yang rendah pendapatannya masih memegang nilai-nilai tradisi yang idamkan saiz keluarga yang besar. Jadi peningkatan output per kapita tidak mempengaruhi perubahan nilai-nilai tradisi tersebut.
Laporan Tahunan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (1990)	Kontraseptif	Kadar penerimaan kontraseptif bagi wanita yang berumur antara 25-40 tahun pada tahun 1970 hanya merupakan 16.8% daripada jumlah penerima. Pada tahun 1988 kadarnya telah mencapai 70.0% yang mana 1/3 daripada jumlah penerima adalah mereka yang berkahwin dalam tempoh kurang daripada 2 tahun. Selain itu kadar peggunaan kotraseptif bagi wanita yang melahirkan bilangan anak kurang daripada 2 orang telah meningkat daripada 34.1% pada tahun 1970 kepada 59.1% pada tahun 1990.	Kadar penerimaan kontraseptif wanita di Malaysia telah meningkat dengan banyak. Peningkatan kadar penerimaan kontraseptif yang ketara juga berlaku di kalangan wanita yang telah melahirkan anak pertama.

(B) KAJIAN-KAJIAN DI LUAR NEGERI

Henry & Piotrow (1982)	Umur mula berkahwin	Sejak pertengahan abad ke-20 di Eropah dan tiga dekad yang lalu di Asia, kelewatan berkahwin menjadi pengaruh utama dalam mengehadkan pertumbuhan populasi.	<p>Sebab:</p> <ul style="list-style-type: none"> (1) umur mula berkahwin yang muda memungkinkan kekerapan perhubungan seks yang lebih tinggi di sepanjang tempoh kesuburan. (2) permulaan hubungan seks yang lebih awal meningkatkan tempoh pendedahan penghamilan. (3) umur mula berkahwin yang muda memendekkan selang masa dan kelahiran generasi muda.
Cheung P.L. (1989)	Umur mula berkahwin umur pada kelahiran pertama	Di Singapura, purata umur mula berkahwin telah meningkat daripada 23 tahun pada tahun 1970 kepada 25 tahun menjelang tahun 1986. Purata umur ibu pada kelahiran pertama meningkat daripada 23.4 pada tahun 1970 kepada 26.7 pada tahun 1986. Purata umur ibu pada kelahiran kedua juga meningkat daripada 25.4 pada tahun 1970 kepada 27.6 pada tahun 1986. Dengan mengawal corak perkahwinan jumlah kadar fertiliti telah menurun daripada 3.07 pada tahun 1970 kepada 2.77 pada tahun 1986.	Kelewatan berkahwin juga bermakna meningkatnya umur pada kelahiran pertama. Jadi penangguhan perkahwinan dan kelahiran turut menjadikan saiz keluarga yang sebenar relatif lebih kecil daripada yang diidamkan.

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
Schultz T.P. (1980, 1986)	Pendidikan dan Pendapatan	<p>Di Taiwan, kesan pendidikan wanita ke atas fertiliti menjadi lebih besar hubungan negatifnya. Sebaliknya kesan pendidikan lelaki ke atas fertiliti adalah kurang dan mungkin menjadi positif.</p> <p>Di Amerika Syarikat, suatu peningkatan upah suami-isteri sebanyak 50.0% dari tahun 1960 hingga 1980 telah diikuti dengan purata penurunan fertiliti sebanyak 0.6.</p>	Keputusan ini selaras dengan jangkaan kesan pendapatan positif lelaki yang mengatasi kesan harga-masa negatif ke atas fertiliti.
United Nations (1987)-WFS	Pekerjaan dan Penggunaan kontraseptif	<p>Terdapat hubungan secara negatif antara pekerjaan wanita dengan fertiliti dalam sektor moden di Asia, Latin Amerika dan Caribbean, tetapi tiada sebarang korelasi pekerjaan wanita dengan fertiliti di Afrika. Kadar penerimaan kontraseptif bagi wanita yang bekerja dalam sektor moden lebih tinggi daripada sektor pertanian dan yang tidak bekerja.</p> <p>Data WFS tahun 1970-80 an menunjukkan kadar kelaziman kontraseptif di Asia dan Oceania mencapai 20.0% hingga 40.0% tetapi di Sub-Sahara, Afrika, Bangladesh, Nepal, Pakistan dan Yemen kurang daripada 10.0%. Di negara-negara Latin Amerika dan Caribbean pula menunjukkan kadar kelaziman kontraseptif antara 30.0% hingga 64.0%.</p> <p>Data WFS dari pertengahan tahun 1970 an hingga awal 1980 an menunjukkan wanita berkahwin tanpa anak tidak mempunyai motivasi untuk menggunakan kontraseptif tetapi penggunaannya meningkat selepas kelahiran anak kedua, ketiga dan keempat; Penggunaan kontraseptif untuk menjarakkan setiap kelahiran adalah tinggi di negara-negara yang tahap pembangunan sosioekonomi adalah tinggi. Di negara-negara membangun penggunaan kontraseptif bertujuan untuk mengehadkan kelahiran.</p>	<p>Upah wanita berfungsi kepada pengalaman pekerjaan, maka ia cenderung mempunyai perhubungan secara negatif dengan fertilitinya.</p> <p>Hubungan pekerjaan dan fertiliti berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi sesebuah masyarakat.</p> <p>Kadar kelaziman penerimaan kontraseptif dan perkembangan KAP (pengetahuan, tingkahlaku dan pengamalan) perancang keluarga yang semakin meningkat di negara-negara sedang membangun mengakibatkan kadar kelahiran menurun.</p> <p>Kesan penggunaan kontraseptif pada masa lepas cenderung untuk menyedarkan saiz keluarga manakala penggunaan kontraseptif semasa lebih memberi kesan kepada mengehadkan "parity".</p>

Pengkaji (Tahun)	Hubungan faktor	Hasil Kajian	Keterangan
Parooq G.M. (1985); Simmons G.B. (1985)	Pekerjaan	Penglibatan wanita dalam sektor tidak formal biasanya mempunyai fertiliti yang lebih tinggi daripada wanita yang terlibat dalam sektor formal.	Sebab: guna tenaga dalam sektor tidak formal di negara-negara membangun berjaya bertolak-ansur dalam hal-hal berkenaan pengasuhan anak-anak kerana memperoleh bantuan daripada struktur keluarga "extended". Demikian juga struktur kerjanya adalah kurang konflik dengan peranan sebagai ibu dan pekerja.
Leibenstein (1974); Willis R.J. (1974); Nam H.C. et al. (1977); Chen S.J. (1977)	Pendapatan	Kumpulan berpendapatan pertengahan mempunyai bilangan anak yang paling rendah manakala kumpulan keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggi pula mempunyai bilangan anak yang lebih ramai.	Hubungan antara fertiliti dengan pendapatan berbentuk "U".
National Survey Kontraseptif of Family Growth (1982) -(rujuk Westoff C.P. 1986)	Kontraseptif	Hasil daripada kemajuan dan pemberian teknik-teknik mengawal fertiliti di Amerika Syarikat telah berjaya menurunkan kadar kelahiran yang tidak diingini atau dirancang daripada 20% pada tahun 1961-65 kepada 13% pada tahun 1971-75 dan 7% menjelang tahun 1978-82.	Teknik-teknik kawalan fertiliti memainkan peranan penting dalam merancangkan kelahiran.
Bongaart & Kirmeyer (1982) -(rujuk Bulatao 1984)	Kontraseptif	Sebarang peningkatan kadar kelaziman penerimaan kontraseptif daripada 10% kepada 30% akan diikuti dengan penurunan jumlah kadar fertiliti sebanyak 20%. Jika kadar kelaziman penerimaan meningkat daripada 30% kepada 50%, maka jumlah kadar fertiliti akan jatuh sebanyak 25%. Sebaliknya, jika kadar penerimaan berkekalan pada tahap 50%, tetapi kadar keberkesanannya penggunaan kontraseptif meningkat daripada 0.85 kepada 0.95, jumlah fertiliti pula akan jatuh sebanyak 10%.	Kadar kelaziman penerimaan kontraseptif dan kadar keberkesanannya penggunaan kontraseptif mempunyai perhubungan secara negatif dengan kadar fertiliti.

Hasil penemuan daripada kajian-kajian yang awal boleh dirumuskan seperti yang berikut:

- (1) Taraf pendidikan mempunyai perhubungan negatif dengan kadar fertiliti.
- (2) Kadar fertiliti wanita mempunyai perhubungan secara negatif dengan tingkat pendapatan keluarga.
- (3) Umur mula berkahwin mempunyai perhubungan negatif dengan kadar fertiliti.
- (4) Jenis pekerjaan wanita mempunyai perkaitan yang rapat dengan aras fertiliti:
wanita yang bekerja dalam sektor moden mempunyai kadar fertiliti yang lebih rendah berbanding dengan wanita yang bekerja dalam sektor tradisional.